



Headline	Lebih 100 produk teknologi sensor dibangun		
MediaTitle	Kosmo		
Date	28 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	16	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	161 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,400
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,600



Lebih 100 produk teknologi sensor dibangun

MELAKA - Lebih 100 produk berasaskan teknologi sensor dalam pelbagai bidang termasuk bioperubatan, pertanian dan alam sekitar dibangunkan oleh penyelidik tempatan sejak lima tahun lepas.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, penghasilan teknologi sensor itu menunjukkan perkembangan positif dan kesedaran penyelidikan dalam bidang itu di negara ini.

Beliau berkata, antara pihak yang menyumbang kepada perkembangan penghasilan produk itu ialah Sirim Berhad; Institut Penyelidikan, Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI); Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan beberapa universiti tempatan.

"Ia adalah satu perkembangan positif kerana negara telah mampu menghasilkan produk teknologi sensor tempatan tanpa perlu bergantung kepada produk luar dan penghasilan itu membantu memajukan industri seperti perubatan dan pertanian dalam penggunaan teknologi terkini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Sensor Antarabangsa keenam di sini semalam.

Abu Bakar berkata, perkembangan bidang itu turut membantu meningkatkan pendapatan negara melalui pengkomersialan produk yang dihasilkan ke pasaran tempatan dan antarabangsa.



ABU BAKAR (kanan) melihat produk sensor yang dihasilkan oleh Mimos Bhd. selepas merasmikan Persidangan Sensor Antarabangsa keenam di Melaka semalam.